



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 38(a)
DALAM PERKHIDMATAN AWAM**

Hanya dibukakan bagi pemohon daripada kalangan pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat di Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam sahaja.

**JURUTERA PENGAWAS (B.3)
JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Surat Pemberitahuan ini hendaklah dibawa kepada pengetahuan serta perhatian semua Pegawai-Pegawai yang layak untuk memohon

Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian atau Jabatan-Jabatan Kerajaan sahaja.
- (C) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (D) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.



**JURUTERA PENGAWAS
JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN PERDANA MENTERI
B.3 (\$3,880 - \$4,240 SEBULAN)
KEKOSONGAN = DUA (02)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. i) Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Elektrikal dan Elektronik / Kejuruteraan Mekanikal atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

-
- ii) Telah berkhidmat di Jabatan Perkhidmatan Elektrik sebagai Jurutera atau jawatan bersesuaian dalam tangga gaji B.2 EB.3 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

ATAU

-
-
- iii) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan sebagai Jurutera atau jawatan bersesuaian dalam tangga gaji B.2 EB.3 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun.

ATAU

-
-
2. i) Bagi yang tidak mempunyai Ijazah, hendaklah telah berkhidmat di Jabatan Perkhidmatan Elektrik dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji B.2 atau sebanding tidak kurang dari 8 tahun.

ATAU

- -
 -
 - ii) Bagi yang tidak mempunyai Ijazah, hendaklah telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji B.2 atau sebanding tidak kurang dari 9 tahun.
3. Mempunyai pendaftaran sebagai *Chartered Engineer* dengan *Engineering Council (United Kingdom)* dan menjadi ahli kepada badan-badan profesional iaitu *MIEE, MI Mech E* atau yang setaraf dengannya yang diiktiraf adalah kelebihan.
 4. Berpengalaman dalam kerja-kerja operasi dan pemeliharaan di stesen-stesen jana kuasa atau kerja-kerja operasi dan pemeliharaan sistem voltan tinggi atau voltan rendah adalah keutamaan.



5. Berpengalaman dalam kerja-kerja di lain-lain jenis stesen elektrik adalah kelebihan
6. Pernah menjadi Jurutera Daerah atau menjalankan tugas Ketua Bahagian adalah kelebihan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Mengetuai Cawangan Jabatan di Daerah-Daerah atau membantu tugas-tugas kepada Ketua-Ketua Bahagian dalam Jabatan;
2. Mencadang, memohon, mengurus dan menyelaras belanjawan / peruntukan Bahagian atau Cawangan;
3. Mencadang, mereka bentuk, memelihara dan mengendalikan operasi sistem rangkaian penghantaran, pembahagian dan penjanaan;
4. Menyelaras dan mengurus projek dan barang keperluan Bahagian / Cawangan;
5. Bertanggungjawab terhadap pensuisan kawat sehingga *66,000V*;
6. Mewakili Jabatan di mesyuarat dalam dan luar negeri;
7. Mengurus operasi dan pemeliharaan stesen-stesen jana kuasa di setiap Daerah;
8. Menguruskan keperluan sumber tenaga manusia dan juga peralatan-peralatan ganti dan perancangan masa depan;
9. Merancang keperluan pertumbuhan dengan penambahan kapasiti penjana secara berkesan; dan
10. Melaksanakan kerja-kerja yang diarahkan oleh Ketua-Ketua Bahagian yang berkenaan, Pengarah dan Timbalan Pengarah.